

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat,
24 September 2021**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN,
JULAI 2021**

**Indeks Pelopor merosot 4.0 peratus pada Julai 2021,
namun strategi ekonomi dan kesihatan yang berkesan dijangka
memulihkan prospek ekonomi jangka pendek**

PUTRAJAYA, 24 SEPTEMBER 2021– Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI JULAI 2021**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Gangguan berpanjangan dalam ekonomi terus mempengaruhi prestasi IP yang menunjukkan trend menurun pada Julai 2021. Berasaskan tahun ke tahun, IP merosot 4.0 peratus untuk merekodkan 105.0 mata pada Julai 2021 (Julai 2020: 109.4 mata). Penyusutan 4.4 mata ini didorong terutamanya oleh penurunan dalam Bilangan Syarikat Baru Didaftar, dengan sejumlah 2,646 syarikat tempatan baharu yang didaftar pada Julai 2021 berbanding 5,522 syarikat pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Selain itu, penurunan tersebut juga dipengaruhi oleh kesan tahun asas daripada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, IP juga mencatat penurunan bulan ke bulan pada Julai 2021 pada negatif 0.6 peratus terutamanya disebabkan oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (-1.3%)."

Mengambil kira prestasi IP yang lebih lemah pada bulan rujukan dan trend kadar pertumbuhan IP terlicin yang menurun sejak Mac 2021 (**Paparan I**), IP menjangkakan bahawa prospek ekonomi Malaysia berkemungkinan berdepan ketidakpastian. Walau bagaimanapun, keberkesanan pelbagai strategi ekonomi dan kesihatan di samping kerjasama rakyat dalam mengadaptasi normal baharu dan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dijangka dapat memulihkan prospek ekonomi jangka pendek.

Indeks Serentak (IS) sebagai proksi kepada prestasi aktiviti ekonomi semasa terus menunjukkan trend penurunan yang lebih tinggi tahun ke tahun, menurun 5.2 peratus (Jun 2021: -3.1%). Sementara itu, IS mencatatkan negatif 2.5 peratus bulan ke bulan disebabkan oleh prestasi yang kurang menggalakkan dalam hampir kesemua komponen IS, terutamanya daripada Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (-1.5%).

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

24 SEPTEMBER 2021

LAMPIRAN I

Paparan I:

Kadar Pertumbuhan bagi Indeks Pelopor (Terlicin) dan Kitaran Perniagaan



**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday,
24th September 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES,
JULY 2021**

**Leading Index dropped 4.0 per cent in July 2021,
nevertheless effective economic and health strategies may
revive the near-term economic outlook**

PUTRAJAYA, 24 SEPTEMBER 2021- Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR JULY 2021**. The Leading Index (LI) is a predictive tool used to anticipate economic upturns and downturns in an average of four to six months ahead.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The prolonged disruptions in the economy continued to affect the performance of the LI which showed a declining trend in July 2021. On an annual basis, the LI tumbled 4.0 per cent to record 105.0 points in July 2021 (July 2020: 109.4 points). The 4.4 points downward shift was mainly driven by the reduction in the Number of New Companies Registered, with a total of 2,646 newly registered local companies in July 2021 as against 5,522 companies in the same month of last year. Besides that, the decrease was also influenced by the base effect from the previous year. Concurrently, the LI also posted a month-on-month decrease in July 2021 at negative 0.6 per cent primarily caused by Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals (-1.3%)."

Considering a weaker performance of LI in the reference month and the declining trend of smoothed LI growth rate since March 2021 (**Exhibit I**), it is expected that the Malaysia's economic outlook is likely to be surrounded by uncertainty. Nevertheless, the effectiveness of various economic and health strategies alongside the cooperation of

the people in adopting the new normal and adhering to the Standard Operating Procedures (SOP) may revive the near-term economic prospect.

The Coincident Index (CI) as the proxy of current economic performance continued to show a higher downward trend year-on-year, which declined 5.2 per cent (June 2021: -3.1%). In the meantime, the CI registered negative 2.5 per cent month-on-month attributed by unfavourable performance in almost all of CI components, mainly Volume Index of Retail Trade (-1.5%).

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24 SEPTEMBER 2021

Exhibit I:

Growth Rate of Leading Index (Smoothed) and Business Cycle

